

22 OCT 2001

Parlimen-Bahas

PAS AKAN SERAHKAN KONSEP NEGARA ISLAM KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Konsep negara Islam yang dirancangkan oleh PAS akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi, kata Presiden PAS Datuk Fadzil Nor.

"Tidak berapa lama lagi akan diserahkan konsep negara Islam, dengan itu boleh disiarkan dalam media," katanya ketika membahaskan Belanjawan 2002 pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Dr Mahathir pada Perhimpunan Agung Umno lepas meminta PAS menggariskan konsep negara Islam yang dicadangkan parti itu sekiranya memerintah negara ini.

Bagaimanapun parti PAS sebelum ini menyatakan konsep negara Islam itu akan diumumkan apabila memenangi pilihan raya kelak dan memerintah negara ini.

PAS sebelum ini telah turut meminta Dr Mahathir mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam di Parlimen bagi membolehkan isu itu diperdebatkan.

Ketua Pembangkang itu yang diberi peluang menjadi pembahas pertama Belanjawan juga menyatakan kesediaan PAS mengadakan dialog dengan Umno bagi membincangkan isu mengenai negara Islam.

Ketika itu, Datuk Mohamed Aziz (BN-Sri Gading) yang bangun meminta penjelasan berkata PAS hanya menggunakan isu negara Islam sebagai modal politik sahaja dan meminta PAS bersedia menerima sebarang keputusan hasil pertemuan kedua-dua parti mengenai konsep negara Islam.

Fadzil pula menjawab, "PAS sedia dialog untuk bincang, harap YB Sri Gading minta Presiden, Timbalan Presiden (Umno) atur dialog dengan PAS."

Presiden Pas itu yang mengambil masa tiga jam membahaskan Belanjawan berkenaan turut mencadangkan supaya balu-balu yang sebelum ini lupus bayaran pencen mereka kerana berkahwin lain, diberi balik pencen yang pernah mereka perolehi itu.

"Saya harap keputusan kerajaan itu di"backdate" kan supaya ramai balu memperoleh semula kemudahan itu," katanya.

Beliau juga berharap tidak ada pihak, baik wanita mahupun lelaki, akan menyalahgunakan kemudahan yang diberikan itu.

Jumaat lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan semasa membentangkan Belanjawan 2002 mencadangkan supaya pencen terus diberikan kepada balu-balu yang berkahwin semula.

Menyentuh mengenai wang pendeposit Tabung Haji sebanyak RM8 juta yang dicuri, beliau ingin mengetahui apakah maklumat terkini mengenai mereka yang terlibat.

Beliau juga ingin tahu sama ada orang Tabung Haji sendiri yang terbabit dalam kecurian itu dan jika ada, adakah Badan Pencegah Rasuah (BPR) dipanggil untuk menyiasat kes itu.

Menurut beliau Tabung Haji sebagai satu-satunya institusi yang mengendalikan urusan haji yang diiktiraf oleh Kerajaan Arab Saudi perlu meneliti fungsinya yang asal, iaitu menyimpan wang bagi pihak orang ramai yang berhasrat menunaikan haji.

Sementara itu Datuk Ahmad Husni Hanadzlah (BN-Tambun) meminta kerajaan meneliti arah aliran tunai dalam negara ketika usaha bagi merencanakan permintaan dalam negara diperkukuhkan.

Katanya, penelitian itu perlu bagi membendung kejatuhan permintaan dari luar berikutan kelembapan ekonomi dunia ketika ini.

Kerajaan menggalakkan rakyat tidak terlalu berbelanja dengan melancong

ke luar negara tetapi pada masa yang sama dikhuatiri ada pembocoran yang lebih besar ke luar negara di lakukan dengan cara lain oleh rakyat negara ini, katanya.

Beliau berkata kemungkinan ada syarikat perumahan tempatan yang menjalankan pelaburan di luar negara dengan membawa modal yang besar.

"Mesti teliti berapa banyak pembocoran berlaku kerana akibat daripada pembocoran itu, kesan belanjawan tidak dapat diperolehi dengan maksima," katanya.

Dalam ucapan Belanjawan 2002, Dr Mahathir meletakkan negara dalam strategi pertumbuhan dengan menggalakkan perbelanjaan dalam negara sebagai realiti ekonomi yang harus difahami semua pihak.

Ahmad Husni juga mempersoalkan cadangan Fadzil dalam ucapan perbahasannya sebelum itu yang mahu kerajaan memperkenalkan cuti pada setiap Sabtu dan Ahad bagi meningkatkan industri pelancongan tempatan.

Katanya, cadangan itu tidak produktif ketika negara sedang menghadapi era persaingan dengan negara lain.

Beliau memberikan contoh jumlah hari bekerja di China selama enam hingga tujuh hari seminggu dengan tempoh bekerja 12 jam sehari manakala di India, rakyatnya bekerja 18 jam sehari, tujuh hari seminggu.

Ahmad Husni juga mencadangkan supaya sebuah tabung khas sosial diwujudkan bagi membantu pekerja yang hilang pekerjaan ekoran kegawatan ekonomi.

"Walaupun ia tidak dianggap begitu sesuai satu ketika dahulu, tetapi kini ia mungkin sesuai kerana walaupun pekerja diberi latihan semula untuk mendapatkan pekerjaan lain, namun ia tidak menjamin mereka akan bekerja di sektor yang baru diperkenalkan itu," katanya.

Beliau juga mencadangkan supaya kerajaan menyiasat laporan audit institusi atau agensi kerajaan yang lain bagi mengelakkan kejadian seperti yang berlaku di Tabung Haji.

Katanya, dengan pengalaman yang ada untuk menguruskan hal berkaitan dengan haji, Tabung Haji sepatutnya mengambil peluang mengembangkan perniagaan di negara lain.

Sebagai contoh, katanya, Tabung Haji boleh mewujudkan Tabung Haji Limited di China bagi menguruskan perkara berkaitan dengan haji dengan memiliki saham tertentu.

Dengan bakal jemaah haji kira-kira 200,000 orang setiap tahun di negara itu, Tabung Haji sudah tentu mendapat faedah kesan rangkaian daripada perniagaan lain yang wujud seperti bekalan makanan.

Sidang dewan disambung esok.

-- BERNAMA

SHS NZ ZB